

JPS boleh dikompaun jika abai kebersihan rizab sungai

PETALING JAYA – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) boleh dikenakan tindakan jika mereka mengabaikan kebersihan kawasan rizab sungai.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Datuk Mohamad Roslan Sakiman berkata, kawasan rizab sungai sepatutnya sentiasa dipantau supaya tidak menjadi tempat pengumpulan dan pelupusan sampah haram.

Menurutnya, dalam kes di PJS 4/47 Taman Medan, JPS bertanggungjawab sepenuhnya di dalam hal tersebut.

“Majlis beberapa kali mengambil tindakan ter-



Majlis beberapa kali ambil tindakan terhadap masalah tapak sampah haram di situ malah pemantauan turut dibuat bagi memastikan kawasan itu bersih.

Mohamad Roslan

hadap masalah tapak sampah haram di situ malah pemantauan turut dibuat bagi memastikan kawasan itu bersih,” katanya ketika mengulas mengenai tindakan pihak tidak bertanggungjawab menjadikan kawasan rizab sungai sebagai tempat mengumpul dan melupuskan sampah seperti yang disiarkan akhbar ini 15 Julai lalu.

“Majlis juga akan berbincang dengan JPS selepas ini bagi memastikan masalah seperti itu tidak berlaku lagi,” katanya.

Beliau berkata, penguat kuasa MBPJ akan membuat pemantauan ketat di kawasan itu dan mereka yang didapati bersalah akan ditangkap dan dikenakan tindakan undang-undang.

Pihaknya juga mengharapkan kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan segera kepada MBPJ sekiranya mempunyai sebarang maklumat atau ternampak individu tidak bertanggungjawab yang membuang sampah ke dalam sungai sesuka hati.